

D212

B B973 AAB  
MAHATHIR - RUMAH R'R'R'

JOHOR BAHRU, 22 JAN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI DEMOKRASI PEMILIKAN HARTA YANG DIAMALKAN DI NEGARA INI AKAN DIKEKALKAN DAN TIDAK MUNGKIN DIGANTIKAN DENGAN DEMOKRASI PEMILIKAN RUMAH.

PERDANA MENTERI BERKATA INI KERANA DEMOKRASI PEMILIKAN HARTA, YANG MEMBOLEHKAN SETIAP RAKYAT MEMEGANG SAHAM ATAU MEMPUYAI SIMPANAN ATAU MEMILIKI RUMAH, LEBIH WAJAR DAN BOLEH DITERIMA AKAL.

BERUCAP PADA PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN MEREKA BENTUK RUMAH KOS RENDAH ANJURAN KERAJAAN NEGERI DI SINI, BELIAU MENOLAK CADANGAN SUPAYA DIWUJUDKAN DEMOKRASI PEMILIKAN RUMAH DI NEGARA INI.

+ (CADANGAN) INI BERBEZA DARIPADA DASAR KITA YANG PERTAMA IAITU MEMILIKI HARTA SEMATA-MATA, DAN HARTA ITU MUNGKIN DALAM BENTUK RUMAH TETAPI TIDAK SEMESTINYA DALAM BENTUK RUMAH. +

+ TETAPI APABILA KITA BERKATA BAHAWA KITA INGIN MELIHAT SETIAP RAKYAT DI NEGARA KITA INI MEMILIKI RUMAH, KONSEP INI SUDAH MASUK KE ALAM YANG TIDAK WAJAR DAN YANG TIDAK MUNGKIN BERLAKU. + -- LAGI  
1416MST 22 01 88

B B974 AAB  
MAHATHIR - RUMAH 2 JOHOR BAHRU R'R'R'

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH: + INI KERANA TIDAK ADA SEBUAH PUN NEGARA DI DUNIA INI DI MANA SETIAP SEORANG DARIPADA PENDUDUKNYA MEMILIKI RUMAH. +

+ ADA ORANG YANG MEMILIKI RUMAH, ADA YANG MEMILIKI RUMAH LEBIH DARIPADA SATU, DAN ADA YANG TIDAK MEMILIKI SAMA SEKALI, YANG JUGA DAPAT TEMPAT TINGGAL MELALUI SEWAAN DAN SEBAGAINYA. +

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU PERLU MENGHURAIKAN MENGENAI KONSEP DEMOKRASI PEMILIKAN HARTA KERANA MASIH ADA PIHAK YANG MEMPUYAI SALAH FAHAM MENGENAI DASAR PERUMAHAN NEGARA.

TEGAS BELIAU: + (BERDASARKAN AMALAN SEKARANG) TIDAKLAH BERMAKNA KALAU KITA TIDAK MEMILIKI RUMAH, MAKA KITA TIDAK ADA TEMPAT UNTUK TINGGAL, KITA MASIH BOLEH SEWA. DENGAN ITU KITA DAPAT PERLINDUNGAN DARIPADA ALAM SEKELILING KITA.

+ KALAU KITA BERKATA BAHAWA DASAR KITA IALAH UNTUK MELIHAT SETIAP SEORANG DARIPADA RAKYAT NEGARA KITA INI MEMILIKI RUMAH, MAKA DASAR ITU TIDAK MUNGKIN DILAKSANAKAN. + -- LAGI  
1418MST 22 01 88

PERDANA MENTERI BERKATA KALAU HAKIKAT INI DITERIMA, MAKA SOAL PERUMAHAN DI NEGARA INI TIDAK AKAN MENJADI SATU SOAL YANG SANGAT SUKAR DIATASI SEPERTI KEADAAN SEKARANG DI MANA SETIAP ORANG HENDAK MEMBELI RUMAH WALAUPUN TERPAKSA MEMINJAM.

BELIAU JUGA MENYENTUH MENGENAI PERLUNYA RAKYAT TERUTAMA DI BANDAR MENYESUAIKAN DIRI DENGAN PERUBAHAN YANG SEDANG BERLAKU DI BANDAR, TERMASUK KESESAKAN DAN HARGA TANAH YANG SEMAKIN MELAMBUNG TINGGI.

MEMANDANGKAN KEADAAN INI, BELIAU BERKATA TIDAK MUNGKIN RAKYAT DI BANDAR MENGEKALKAN HIDUP SEPERTI DI KAMPUNG DENGAN KAWASAN RUMAH DAN HALAMAN RUMAH YANG LUAS.

MEREKA PERLULAH SANGGUP MENYESUAIKAN DIRI DAN MENGUBAH CORAK HIDUP DENGAN TINGGAL DI RUMAH-RUMAH TERES DAN RUMAH PANGSA.

MENGENAI RUMAH KOS RENDAH, BELIAU BERHARAP PARA PEMAJU DAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI BERUSAHA MENGAWAL HARGA RUMAH DENGAN MEMBINANYA DI KAWASAN TANAH YANG HARGANYA TIDAK TERLALU TINGGI DI SAMPING MENGAWASI LAIN-LAIN FAKTOR YANG BOLEH MENINGKATKAN KOS.

PERDANA MENTERI KEMUDIAN MENYAMPAIKAN HADIAH WANG TUNAI KEPADA LIMA PEMENANG SETIAP KATEGORI BANGUNAN RUMAH BERHARGA \$12,000 DAN \$5,000 SEBUAH.

TURUT HADIR DI MAJLIS ITU DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH MOHAMED ALI, MENTERI BESAR HAJI MUHYIDDIN YASSIN, MENTERI PENERANGAN DATUK MOHAMAD RAHMAT, TIMBALAN MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN SENATOR HAJI HUSSEIN AHMAD DAN TIMBALAN MENTERI PERUSAHAAN AWAM HAJI DAUD TAHA. -- BERNAMA

1421MST 22 01 88